

Sosialis tidak akan bahagiakan hidup kita — Dr. M

AM - 9 JUL 1976

OLEH HALIM ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 8 Julai — Dr. Mahathir Mohammad mengingatkan hari ini bahawa sistem sosialisme terap tidak akan membawa kebahagiaan kerana ia hanya akan menimbulkan perpecahan dan menghancurkan semangat persaudaraan di kalangan rakyat.

Ini adalah kerana, menurut beliau, persaudaraan dalam sistem sosialisme hanya berasaskan kepada kekayaan semata-mata dan ini bertentangan sekali dengan sistem Islam yang memupuk persaudaraan tanpa mengira miskin kaya.

Bercakap dalam satu majlis ceramah bertajuk "Bumiputra sebelum dan selepas The Malay Dilemma" di Universiti Kebangsaan di sini pagi ini, Dr. Mahathir berkata, sistem sosialisme adalah bertentangan dengan Islam "kerana dalam Islam tidak ada sosialisme."

Katanya, persaudaraan dalam Islam meliputi semua golongan tanpa mengira kaya atau miskin, tetapi persaudaraan dalam sosialisme adalah berdasarkan kepada pendapatan.

"Oleh itu semangat persaudaraan yang sedang kira pupuk sekarang ini terap tidak akan wujud melalui sistem sosialisme kerana ia hanya berasaskan kepada perpecahan dan semangat membencikan orang-orang kaya," kata beliau.

Dr. Mahathir menekankan, 'saya tidak akan berusaha mengujudkan sosialisme di negara ini kerana perjuangan dan sikap politik saya adalah bukan untuk itu.'

Mengenai pencapaian setelah The Malay Dilemma ditulis, Dr. Mahathir menegaskan bahawa telah banyak diikuti dan dijalankan berdasarkan kepada syor-syor yang dikemukakan di dalamnya.

Dedahkan

Menurut Dr. Mahathir lagi, buku tersebut tidak akan menjadi buku yang menarik kerana penulisannya tetapi ia menarik kerana dikeluarkan setelah berlakunya peristiwa yang menyedarkan beberapa masalah yang berlaku.

Katanya, buku tersebut ditulis sebelum berlaku peristiwa 13 Mei yang mendedahkan segala masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu.

Di samping itu terdapat juga cadangan-cadangan positif yang harus dilaksanakan bagi kemajuan orang-orang Melayu sendiri, katanya.

Menurutnya, ada orang-orang yang membincangkan tentang buku itu, tetapi kebanyakannya kurang tepat kerana mereka membincang tanpa membaca terlebih dahulu kandungannya.

Tegasnya, 'Buku ini bukan popular kerana kandungannya tetapi kerana kontravasinya.'

Bercakap mengenai kuasa politik, Dr. Mahathir menegaskan bahawa kuasa itu boleh membawa orang-orang Melayu berjaya dan kerana kuasa itu juga akan membawa orang-orang Melayu jatuh.

'Kuasa politik ini terlalu mudah digunakan. Mungkin kuasa politik ini boleh membawa keburukan bagi orang-orang Melayu sendiri,' ujarnya.

Dalam hal ini tegasnya, ada kuasa-kuasa politik yang digunakan untuk hal-hal lain, seperti perdagangan atau perniagaan.

'Ada orang yang berniaga, bila susah sikit gunakan politik. Ini adalah satu kenyataan dan lama kelamaan kita akan lemah,' tegasnya.

Dr. Mahathir kemudian menimbulkan soal perurusan yang kurang cekap di kalangan orang-orang Melayu menyebabkan beberapa projek yang dimodali oleh kerajaan telah mengalami kerugian.

Katanya, orang-orang Melayu sendiri tidak mahu belajar tentang perurusan menyebabkan keadaan itu berlaku.

Sebagai contoh, katanya, perusahaan balak di Jengka Tigasegi mengalami kerugian \$35 juta walaupun modal dan kakitangan diberikan oleh kerajaan. Ini 'kerana perurusan yang tidak cekap.

Dr. Mahathir juga menyebut bahawa sistem nilai serta sikap orang-orang Melayu masih belum berubah walaupun buku Malay Dilemma dijadikan

panduan.

Kerajaan, katanya, telah menggunakan semua alat yang ada untuk mengubah sikap serta sistem nilai itu tapi hingga ini masih belum berjaya.

Sebab itu katanya, orang-orang Melayu asyik menyalahkan orang lain walaupun kegagalan itu dilakukan olehnya sendiri.

"Dia tahu ada 1001 masalah orang lain tapi masalah dia sendiri dia tak dapat atasi," katanya.

Mengenai orang kaya di negara ini yang menimbulkan rasa tidak puas hati setengah-setengah orang Dr. Mahathir berkata, "kita perlu ada orang-orang kaya di negara ini untuk membolehkan cukai-cukai dikutip bagi pembangunan negara."